

Ekspo Pengajian Tinggi 2019 barigakan pelbagai tawaran pendidikan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Sabtu, 16 Februari. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Bahagian Basiswa pagi ini mengadakan Majlis Pelancaran Ekspo Pengajian Tinggi 2019 bertempat di Dewan BRIDEX 2, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan ekspo berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.

Ekspo Pengajian Tinggi 2019 selama dua hari itu berakhir hingga 17 Februari bertempat di Dewan BRIDEX 2, Jerudong.

Selain dari pameran dan sesi konsultasi, Ekspo Pengajian Tinggi kali ini juga mengadakan seminar dan forum dari beberapa institusi pendidikan dan persatuan tempatan seperti tatacara penulisan 'Personal Statement', 'Curriculum Vitae', tip temu duga serta forum 'Life as a Student Abroad' dan Forum 'Success stories of Local Graduates'.

Tahun ini merupakan kali ke-4 Ekspo Pengajian Tinggi diukayahkan oleh Kementerian Pendidikan dengan fokus utama untuk menjadi One Stop Information Centre bagi Pengajian Tinggi yang akan menyatukan kesemua institusi pengajian pasca menengah, institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta serta agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negeri di bawah satu bumbung bagi memberikan gambaran mengenai landskap pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi.

Dengan tujuan untuk membarigakan pelbagai laluan (*multiple pathways*) ke pengajian

tinggi dan peluang-peluang tawaran pendidikan yang sedia ada di dalam dan luar negara, ekspo diharap akan menjadi landasan bagi memudahkan pelajar-pelajar yang berhasrat untuk meningkatkan tahap pengajian serta berinteraksi secara langsung dengan pihak institusi-institusi dan agensi-agensi pendidikan berkenaan.

Sejumlah 58 institusi pengajian tinggi, agensi perkhidmatan pendidikan dan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta lain yang berkaitan menyertai ekspo tahun ini terdiri daripada 13 institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dalam negeri, 21 institusi pendidikan luar negeri, 12 agensi kerajaan dan swasta, lapan adalah dari agensi perkhidmatan pendidikan (*education services agencies*) dalam dan luar negeri, dan empat misi dan perwakilan luar negara.

Institusi Pengajian Tinggi Awam Brunei Darussalam disertai oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei dan juga Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE). Manakala pengajian tinggi swasta disertai oleh Laksamana College of Business, Kolej International Graduate Studies, Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT), Micronet International College (MIC), Kemuda Institute, BICPA - FTMS Accountancy Academy dan Mahakarya Institute of the Arts. Institusi-institusi tersebut akan memperkenalkan program-program yang akan ditawarkan, syarat-syarat



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad semasa melawat ke salah sebuah agensi perkhidmatan pendidikan yang menyertai Ekspo Pengajian Tinggi 2019.

kemasukan, tatacara pendaftaran dan segala maklumat yang berkaitan dengannya.

Semasa ekspo ini, Kementerian Pendidikan akan memberigakan maklumat-maklumat terkini yang berkaitan seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi (HECAS), Basiswa-Basiswa Kerajaan, Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP), permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan kursus / kelulusan, kerjaya dan sebagainya. Kementerian Pendidikan akan diwakili oleh Bahagian Pengajian Tinggi, Bahagian Basiswa, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan serta Bahagian

Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah. Ekspo disertai turut disertai oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain.

Ia dibukakan kepada orang awam, khususnya lepasan menengah dan pra-universiti, iaitu Lulusan Brunei G.C.E. 'O' Level dan 'A' Level atau kelulusan yang sebanding dengannya, yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti program-program National Technical Education Certificate (NTec), Higher National Technical Education Certificate (HNTec), Diploma Level 5, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah

Kedoktoran juga mereka yang ingin mengembangkan kemahiran atau profesionalisme masing-masing.

Ekspo ini tidak hanya terhad kepada pelajar-pelajar atau pengunjung-pengunjung dalam negeri sahaja, malahan juga mengalu-alukan serta membukakan peluang yang sama kepada pelajar dan pengunjung luar negara yang berkeinginan untuk meneruskan pengajian di institusi-institusi di negara ini. Kemudahan letak kereta dan Perkhidmatan Bas Ulang Alik bagi orang ramai juga disediakan di kawasan letak kereta Jerudong Park Playground.

Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha dan Agihan Zakat Peralatan Perubatan diserahkan



PEMANGKU Setiausaha MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop (kanan) menyerahkan sumbangan Bantuan Agihan Zakat Peralatan Perubatan berbentuk kerusi roda kepada Awang Lamat bin Untong.

SENGKURONG, Sabtu, 16 Februari. - Ke arah memberikan kemudahan dan keselesaan dalam kehidupan yang lebih baik adalah menjadi tujuan utama kepada mereka yang memerlukan di negara ini.

Asnaf Fakir Miskin di Negara Brunei Darussalam terus mendapat

perhatian daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam meringankan bebanan kehidupan mereka.

Sehubungan itu pagi tadi, Majlis Penyerahan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha dan Agihan Zakat Peralatan Perubatan

diadakan secara berasingan di dua buah tempat di sini.

Mula-mula majlis penyerahan agihan wang zakat telah dilangsung di kediaman Awang Isa bin Amran yang bertempat di No: 11, Kampung Katimahar, Jalan Lugu, di sini. Bantuan Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha yang diterima oleh Awang Isa dan keluarga adalah sebuah alat memanggang / menyalai jagung.

Awang Isa semasa ditemu bual melahirkan rasa bersyukur dan berterima kasih di atas bantuan peralatan untuk memanggang jagung yang diberikan oleh pihak MUIB kepada beliau dan akan dapat menambah lagi sumber pendapatan beliau dan keluarga.

Beliau yang tidak mempunyai sebarang pekerja yang tetap, katanya akan tetap terus menjalankan usahanya ini demi untuk mencari sumber rezeki yang halal, biarpun hanya bekerja sebagai penjual jagung panggang sejak enam tahun yang lalu di kawasan Jalan Bukit Kebun, yang mendapat sambutan kalangan orang ramai di negara ini.

Beliau seterusnya berkata dari

segi pendapatan menjual jagung panggang ini boleh juga tahan, yang mana diperoleh dalam sekitar BND80 sehari. Tetapi jumlah itu belum lagi ditolak untuk pembelian bahan-bahan yang lain, terutama jagung mentah dan lain-lain keperluan.

"Kami menjual jagung panggang tidak mengikut masa ataupun setiap hari, kerana tertakluk kepada bekalan jagung mentah yang diperoleh daripada pekebun di sekitar Kampung Junjungan dan juga ditempat-tempat lain," ujarnya.

Sementara pihak MUIB juga turut memberikan sumbangan Bantuan Agihan Zakat Peralatan Perubatan berbentuk kerusi roda kepada Awang Lamat bin Untong bertempat di No. 13, Simpang 102, Jalan 39, Rancangan Perpindahan Negara Kampung Rimba, di sini.

Dalam temu bual bersama Awang Lamat yang bekerja sebagai penjual ikan menjelaskan beliau menghidap penyakit strok separuh badan sebelah kiri sejak 2013 dengan tidak dapat

berjalan seperti biasa dan hanya apabila untuk bergerak dan berjalan dengan menggunakan bantuan kerusi roda sahaja.

Beliau terusnya berkata mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah dan juga berterima kasih kepada pihak MUIB atas bantuan yang diberikan kepada beliau.

Hadir bagi menyempurnakan kedua-dua majlis penyerahan agihan zakat tersebut ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Pihak MUIB, kesemua peralatan yang diserahkan pada kedua-dua majlis itu berjumlah BND409 (Empat Ratus Sembilan Ringgit sahaja) diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin MUIB serta diharapkan semoga dengan adanya Agihan Zakat Modal Peralatan Berusaha dan Agihan Zakat Peralatan Perubatan ini akan dapat membantu dalam kehidupan mereka seharian.

Berita dan Foto : Haji Ahmad bin Haji Salim